

Headline **Pusat Pendidikan Alam Sekitar FRIM dilancar sempena ulang tahun**
Date **08 Jul 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Sentral**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **5**
Article Size **415 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **8,803**
PRValue **26,409**



Pusat Pendidikan Alam Sekitar FRIM dilancar sempena ulang tahun

KEPONG: Dalam usaha memantapkan inisiatif melindungi alam sekitar daripada kemusnahan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dengan kerjasama Tetra Pak (Malaysia) Sdn Bhd (Tetra Pak) melancarkan Pusat Pendidikan Alam Sekitar (EEC) seiring sambutan ulang tahun ke-25 FRIM tahun ini.

EEC yang terletak berhampiran tapak perkelahan Sungai Kroh di kawasan FRIM, di sini ditubuhkan untuk bertindak sebagai landasan bagi FRIM menganjurkan ceramah, bengkel dan aktiviti berkumpulan kepada orang ramai serta pengunjung terutama pelajar sekolah.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abdul Latif Mohmod, berkata fungsi pusat itu sesuai dengan kawasan FRIM yang sering dikunjungi semua lapisan masyarakat untuk membebaskan diri daripada kesibukan kota dan menikmati alam semula jadi.

"Terima kasih kepada Tetra Pak yang turut menyumbangkan RM10,000 untuk penubuhan EEC dan sokongan berterusan dalam menjadikan EEC satu kenyataan.

"Hasrat kami supaya kanak-kanak yang melawat FRIM bukan saja menghargai kurniaan alam semula jadi, malah memahami peranan boleh mereka mainkan dalam memelihara alam walaupun pada usia muda," katanya di sini.

Pengarah Komunikasi dan Alam Sekitar Tetra Pak, Terry Tan, berkata penubuhan EEC adalah kesinambungan daripada program alam seki-

tar di 25 sekolah, "Nurture for Nature" anjuran Tetra Pak, yang bermula tahun lalu dan pelancaran EEC ini adalah landasan untuk syarikat menggalakkan generasi muda supaya lebih peka dengan alam.

"Dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan FRIM, Tetra Pak melancarkan peraduan kitar semula kotak minuman serta program alam sekitar di sekolah sekitar Lembah Klang dan hasil kutipan daripada program itu, Tetra Pak menyumbangkan RM10,000 untuk EEC," katanya.

Pengunjung digalakkan membuat tempahan dengan Pusat Perkhidmatan Setempat FRIM sebelum lawatan. EEC dibuka dari 8 pagi hingga 5 petang dari Isnin hingga Jumaat, manakala 9 pagi hingga 12 tengah hari pada Sabtu.



ABDUL LATIF (dua dari kiri) melawat Pusat Pendidikan Alam Sekitar EEC di FRIM.

Headline	Pusat Pendidikan Alam Sekitar FRIM dilancar sempena ulang tahun	Language	Malay
Date	08 Jul 2010	Page No	5
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	415 cm²
Section	Sentral	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	8,803
Frequency	Daily	PRValue	26,409
Circ / Read	192,982 / 1,521,000		



KANAK-KANAK Tabika Kemas FRIM menyertai aktiviti sempena pelancaran Pusat Pendidikan Alam Sekitar.

